

Anti-Yahudi: Mahathir

Oleh ZAINI HASSAN dan MOHD. NOR SAMAD

KOTA raya Bangkok menyaksikan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menjadi 'begitu terkenal'.

Beliau berjaya mengakhiri kerjayanya sebagai Perdana Menteri Malaysia di persada persidangan antarabangsa dengan cukup cemerlang sekali. Namanya disebut di merata-rata tempat semasa berlangsungnya Sidang Kemuncak Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) di sini pada 20-21 Oktober lalu.

Berita Dr. Mahathir ditempatkan dengan begitu strategik - diulas dalam lidah pengarang - di akhbar-akhbar ternama berbahasa Inggeris tempatan, sehingga mengambil alih 'kehormatan' kehadiran pemimpin 'kuasa besar tunggal dunia' Presiden George W. Bush.

Malah bukan itu sahaja, nama Dr. Mahathir tiba-tiba mendapat perhatian seluruh dunia. CNN mengulang menyebut namanya berkali-kali, termasuk mengadakan forum khas secara *live* membincangkan mengenainya. Begitu juga agensi-agensi berita asing yang menghebahkan berita mereka ke seluruh pelosok dunia turut menulis mengenai beliau.

Pendek kata nama Dr. Mahathir cukup terkenal. Ia berlaku kira-kira 10 hari sebelum beliau meletakkan jawatan sebagai pemimpin tertinggi Malaysia pada 31 Oktober ini.

Apa yang menjadikan beliau sebagai buah mulut itu adalah kerana ucapannya semasa Sidang Kemuncak Ke-10 Pertubuhan Persidangan Islam (OIC), dua hari sebelum APEC bermula di Bangkok. Kenyataannya yang menyebut mengenai orang Yahudi telah disalah tafsir dan diperheboh oleh agensi berita Barat.

Tanpa usul periksa, seluruh dunia - rata-ratanya sekutu Amerika - menuduh Dr. Mahathir sebagai anti-Yahudi.

CNN dan wartawan Barat mahu seboleh mungkin memulas tangan Dr. Mahathir.

Tetapi, mereka tidak tahu siapa yang lebih bijak dalam permainan ini.

Dr. Mahathir kelihatan tenang semasa berita-berita menghentamnya disiarkan oleh akhbar dan televisyen semasa beliau berada di sini.

Lebih cemerlap lagi, pada hari Isnin (20 Oktober) agensi berita asing memetik satu lagi kenyataan kononnya kali ini daripada jurucakap Amerika Syarikat (AS).

Laporan itu mahu menunjukkan seolah-olah bahawa presiden mereka - Bush menarik Dr. Mahathir ke tepi semasa sidang kemuncak itu lalu mencela beliau kerana ucapan tersebut. Tajuk berita di salah satu akhbar di sini keesokan harinya berbunyi

opinion & analysis

EXCLUSIVE INTERVIEW / MAHATHIR MOHAMAD

ned campaigner has the last

Ten days before he steps down as prime minister, Malaysia's Mahathir Mohamad reflects with Editor-in-Chief Pichai Chueniksacud on his 22 years at the helm and -- as always -- speaks his mind on terrorism, global trade and democracy.

Mahathir Mohamad, Minister Mahathir Mohamad, right, speaks with Bangkok Post Editor-in-Chief Pichai Chueniksacud yesterday morning.

• Bangkok Post •

Mahathir leaves a Malay dilemma

The post-9/11 world has put Malaysia under a spotlight for the first time since the 1960s. Mahathir Mohamad's role in the country's development and the nation's future is being questioned.

The post-9/11 world has put Malaysia under a spotlight for the first time since the 1960s. Mahathir Mohamad's role in the country's development and the nation's future is being questioned. The OIC summit ended in a dilemma, with Mahathir Mohamad, the patriarch of Southeast Asian politics, and two weeks from

KERATAN akhbar wawancara eksklusif dan rencana pengarang Bangkok Post dan The Nation

Komen Mahathir berbuih kebencian, kata Bush.

Pada pagi berita itu disiarkan, hari Selasa, Dr. Mahathir sibuk dengan program sidang kemuncak itu. Walaupun para pegawainya mengatakan "mood bos kurang baik" - mungkin kerana berita itu, atau kerana letih - Dr. Mahathir masih mampu tersenyum.

Wartawan Malaysia pagi-pagi lagi menunggunya di sebuah hotel untuk mendapatkan reaksinya benarkah beliau 'ditolak ke tepi oleh Bush'.

Dr. Mahathir berlalu tanpa mahu berjumpa wartawan selepas mengadakan mesyuarat dua hala dengan rakan sejawatannya dari Chile. Beliau hanya tersenyum dan berkata "sat lagi saya jumpa."

Pada masa itu tiada siapa yang mengetahui apakah benar Bush melakukan perlakuan seperti seorang koboi mabuk itu. Tiba masanya di akhir sidang kemuncak itu, pada sebelah petangnya (Selasa, 21 Oktober) Dr. Mahathir dijadual mengadakan sidang akhbar.

Wartawan memenuhi dewan besar Pusat Konvensyen Nasional Queen Sirikit untuk mengikuti sidang akhbar itu. Kira-kira 150 wartawan seluruh dunia duduk dengan tenang menunggu ketibaan Dr. Mahathir.

Tepat pukul 4.30 petang beliau melangkah ke dewan itu dan duduk di kerusi. Belum sempat pengerusi majlis itu, Datuk Seri Syed Hamid Albar membuat pengenalan - Dr. Mahathir terus bercakap memberitahu perkara yang sebenar.

"Saya tidak tahu apa yang dia (wartawan yang menulis mengatakan beliau di-

cela) dengar. Saya tidak dicela. Tapi apa yang berlaku, Bush tarik saya ke tepi untuk jelaskan kenapa dia membuat reaksi yang keras kepada saya. Lalu saya jawab, saya faham.

"Saya minta dia (wartawan itu) tanya Bush (berhubung hal ini) apa yang pemimpin itu cakap kepada saya, kecualilah pendengaran saya kurang baik. Saya rasa tidak, saya masih boleh mendengar soalan yang saudara kemukakan," katanya tidak bernada marah - tenang dalam senyum - pada sidang akhbar itu.

Keesokan harinya akhbar-akhbar tempatan Thailand menyiarkan laporan itu. The Nation menyiarkan gambar muka depan *close-up* wajah Dr. Mahathir dan di belakangnya Bush. Keterangan gambar itu berbunyi *Presiden Amerika George W. Bush bergambar di belakang Perdana Menteri Dr. Mahathir Mohamad semasa para pemimpin APEC beratur untuk bergambar semalam*. Di bawah keterangan itu tercatat: *Bush tidak cela saya, kata Mahathir - lihat muka 6A*.

Bagaimanapun, tidak pasti apakah CNN menyiarkan penjelasan Dr. Mahathir itu, sebagaimana ia agak keberatan menyiarkan penjelasan Perdana Menteri itu mengenai apa sebenarnya tafsiran isi kandungan ucapan di OIC itu.

Walaupun Dr. Mahathir terpaksa membuat penjelasan itu sendiri - namun itu bukan soalnya. Media Barat yang berada di dalam dewan itu seolah-olah malu dengan gelagat mereka sendiri.

Malah sepanjang 21 soalan yang ditanya dalam sidang akhbar itu masih ada di

The OIC summit ended in a dilemma, with Mahathir Mohamad, the patriarch of Southeast Asian politics, and two weeks from